

04 SEP 2003

Mahathir-PBS

MAHATHIR RASMI KONGRES PBS ISNIN DEPAN

KOTA KINABALU, 4 Sept (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan merasmikan perhimpunan agung Parti Bersatu Sabah (PBS) ke-18 di Dewan Hongkod Koisaan, Penampang, dekat sini, Isnin depan.

Setiausaha Agung PBS Datuk Radin Malleh berkata Dr Mahathir dijangka tiba di dewan berkenaan pada pukul 2 petang dengan lebih 3,000 orang termasuk 568 perwakilan dari 46 bahagian, ketua-ketua komponen parti Barisan Nasional (BN), pemerhati dan penyokong parti dijangka hadir pada perhimpunan itu.

"Perhimpunan agung PBS kali ini adalah satu perhimpunan yang bersejarah kerana ianya dirasmikan oleh YAB Perdana Menteri sendiri selepas PBS kembali ke pangkuan BN," katanya pada persidangan berita di sini, hari ini.

Radin berkata kehadiran Dr Mahathir pada perhimpunan agung PBS itu pasti akan meningkatkan semangat anggota PBS untuk terus berjuang bersama-sama dengan anggota parti komponen lain dalam BN.

"Selain itu, kehadiran pengerusi BN sendiri dan Perdana Menteri menunjukkan bahawa PBS kini diterima sepenuhnya dalam BN," katanya.

Mengenai intipati ucapan dasar presiden PBS Datuk Joseph Pairin Kitingan, Radin berkata: "Ia termasuk ucapan terima kasih kepada Perdana Menteri selaku pengerusi BN yang menerima PBS kembali ke pangkuan BN".

Beliau berkata Pairin juga akan menyampaikan ucapan penghargaan di atas peranan Dr Mahathir membangunkan negara, termasuk berjaya menyatupadukan rakyat pelbagai kaum di negara ini.

Radin berkata empat usul termasuk isu tanah, ekonomi, pendidikan dan masalah sosial akan dibentangkan pada perhimpunan agung itu.

Sementara itu, Radin mengumumkan kemenangan Pairin tanpa bertanding untuk jawatan presiden PBS selepas pencalonan untuk jawatan anggota Majlis Tertinggi PBS ditutup.

"Sukacita saya umumkan di sini bahawa Datuk Joseph Pairin Kitingan menang tanpa bertanding bagi jawatan presiden PBS," katanya.

Turut menang tanpa bertanding ialah dua penyandang jawatan timbalan presiden PBS -- Datuk Dr Maximus Ongkili dan Dr Yee Moh Chai, masing-masing bagi kouta Bumiputera Kadazandusun Murut dan Cina, dan ketua pergerakan wanita PBS Datin Jamilah Sulaiman.

Bagi jawatan timbalan presiden untuk kouta Bumiputera Islam, penyandang jawatan Pengiran AK Aliuddin Pengiran Mohamad Tahir menerima tentangan daripada bekas anggota Dewan Undangan Negeri yang dilantik Jahid Jahim dan Ahmad Awang. Penyandang jawatan ketua pergerakan pemuda PBS Almudin Kaida pula dicabar oleh Johnny Mositun.

-- BERNAMA

NT LAT